



INISIATIF KEDIAMAN RUMAH KELUARGA MALAYSIA (RUMAH IKRAM KPKT) UNTUK RAKYAT YANG TERKESAN AKIBAT COVID-19



Pada 15 September 2021, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican pada hari ini memperkenalkan program “**INISIATIF KEDIAMAN RUMAH KELUARGA MALAYSIA**” atau **RUMAH IKRAM KPKT** sebagai satu lagi usaha kerajaan untuk membantu rakyat

Malaysia yang terkesan akibat pandemik COVID-19 seperti kehilangan pendapatan, kekurangan pendapatan serta kehilangan pekerjaan sehingga tidak lagi mampu membayar sewa yang tinggi, dihalau keluar dari rumah sewa dan seumpamanya.

Dengan inisiatif RUMAH IKRAM ini menjadi hasrat KPKT untuk memberi kemudahan kepada Keluarga Malaysia yang memerlukan. KPKT akan menyediakan 1,000 unit kediaman di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) sekitar Selangor, Kuala Lumpur, Kedah, Kelantan dan Johor sebagai langkah permulaan dengan kadar sewa paling minimum iaitu RM124 sebulan.



Lawatan Kerja Walkabout Menteri KPKT Dato Seri Reezal Merican ke Pangaspuri Jubli Perak, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican turut menjelaskan bahawa inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha bersasar KP KT bagi membantu kumpulan rakyat yang terkesan akibat COVID-19. Malah, pasukan KP KT juga sedang merangka beberapa lagi inisiatif bersifat responsif serta penampaman untuk mengurangkan keresahan rakyat. RUMAH IKRAM KP KT ini juga merupakan sebahagian daripada AGENDA “LIVEABLE MALAYSIA ATAU MALAYSIA BERDAYA HUNI” yang digagaskan oleh YB Menteri melalui fungsi serta peranan proaktif KP KT.

Permohonan untuk mendapatkan kemudahan RUMAH IKRAM KP KT ini telah pun dibuka di portal TEDUH KP KT melalui capaian <https://teduh.kpkt.gov.my>. Sebarang pertanyaan mengenai program ini boleh diajukan ke talian hotline Jabatan Perumahan Negara (JPN), KP KT : 03-8891 4475.

